

18/08/1997

Lima S mampu kekal kebersihan

Hasuni Sudin

BANDAR raya Kuala Lumpur kotor walaupun kebersihan sering ditekankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Namun teguran itu sebelum ini tidak mendapat sokongan pihak terbabit sehinggalah Dr Mahathir menyelar warga kota yang suka membuang sampah di merata tempat baru-baru ini.

Selaran pedas Perdana Menteri itu berlaku ketika lawatan seorang pemimpin negara asing.

Selepas itu barulah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membuka mata dengan meluluskan serta-merta saman maksimum RM500 kepada pembuang sampah.

Mengapa kita harus menunggu teguran Perdana Menteri untuk bertindak. Sepatutnya pihak yang bertanggungjawab terlebih dulu berbuat demikian serta tidak mengambil sikap tunggu dan lihat.

Kenapa perkara yang remeh seperti itu perlu menunggu teguran Perdana Menteri untuk diatasi.

Mungkin masyarakat Malaysia tidak mengetahui kriteria penting yang diamalkan oleh rakyat Jepun dalam menjaga kebersihan.

Saya ingin mencadangkan kepada semua termasuk sektor kerajaan dan swasta di seluruh negara agar memperkenalkan lima kriteria yang diamalkan masyarakat Jepun dalam menilai kebersihan yang menjadi amalan bangsa itu sehingga mereka terkenal dengan kebersihannya di mata dunia.

Lima S iaitu Seiri, Seiton, Seiso, Seiketsu dan Shitsukea menjadi asas kebersihan organisasi kerajaan dan swasta di Jepun, termasuk kilang milik negara matahari terbit itu yang beroperasi di sini.

Seiri bermaksud asingkan iaitu mengasingkan bahan dikehendaki dan membuang bahan yang tidak perlu di tempat yang betul manakala Seiton pula membawa maksud susun dengan teratur bahan yang diperlukan.

Seiso bermaksud bersihkan yang mengambil kira dari semua segi tidak kira di mana dan bila serta jangan anggap ada orang lain yang membersihkan kotoran ataupun sampah yang kita buang.

Seiketsu pula membawa makna memastikan keadaan sekeliling berada pada tahap kebersihan tinggi dan S terakhir dan agak susah mendapat tempat di hati rakyat kita ialah Shitsuke yang bermaksud disiplin.

Langkah memperkenalkan konsep kebersihan itu juga sejajar dengan saranan Dr Mahathir yang mahu penerapan nilai murni di kalangan masyarakat dan ia juga dituntut agama.

Sebahagian daripada kriteria dan nilai itu perlu diserapkan kepada rakyat Malaysia dalam mewujudkan tempat bersih dan selamat.

Memang diakui, Shitsuke iaitu disiplin adalah perkara yang sukar untuk dibentuk kerana kedegilan dan sikap biadab diri sendiri serta masyarakat yang memungkinkan sikap tidak bermoral itu terus diamalkan.

Walaupun kriteria yang dinyatakan itu budaya masyarakat Jepun, demi kebaikan dan membersihkan negara kita, adalah tidak salah jika ia diserapkan sebagai amalan terutama oleh masyarakat kota.

Jadikanlah kebersihan sebagai identiti rakyat Malaysia.